

KENYATAAN DATUK BANDAR

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

MESYUARAT MAJLIS PENUH

25 FEBRUARI 2022

1. TARIKH AKHIR PROMOSI “JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN 2022 & MENANG WANG TUNAI” BAGI BIL CUKAI TAKSIRAN PENGGAL 1/2022

Dimaklumkan promosi **“Jom Bayar Cukai Taksiran MBSP 2022& Menang Wang Tunai”** telah bermula pada 1 Disember 2021 dan akan tamat pada 28Februari 2022. Promosi ini diadakan khas kepada seluruh pemilik premis di Seberang Perai yang membuat pembayaran cukai taksiran setahun 2022 berserta tunggakan (jika ada) **melalui kiosk, agensi kutipan yang dilantik atau saluran secara dalam talian (online) yang telah disediakan sahaja.**

Sebanyak **empat puluh (40)** hadiah cabutan bertuah yang lumayan telah disediakan dan hadiah berkenaan adalah seperti berikut :

Kedudukan Hadiah	Jenis Hadiah
Tempat Pertama	Wang Tunai RM10,000
Tempat Ke- 2	Wang Tunai RM5,000
Tempat Ke- 3	Wang Tunai RM3,000
Tempat Ke- 4	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke- 5	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 6	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 7	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 8	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 9	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 10	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke-11 hingga Ke-40	Pelbagai Hadiah Menarik Yang Lain

Saya menyeru kepada semua pemilik premis agar segera merebut peluang keemasan ini dengan membuat bayaran cukai taksiran tahun 2022 berserta tunggakan (jika ada) melalui **kiosk, agensi kutipan yang dilantik atau saluran secara dalam talian (online)** yang telah disediakan bagi **melayakkan anda dalam cabutan bertuah** dan berpeluang memenangi hadiah utama wang tunai RM10,000

Maklumat lanjut berkaitan promosi serta terma dan syarat, sila layari laman web <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 696 / 697**atau e-mel di waran@mbsp.gov.my

2. PENGENAAN NOTIS E TAKSIRAN PADA 1 MAC 2022

Dimaklumkan bahawa 28 Februari 2022 (Isnin) merupakan hari terakhir pembayaran cukai taksiran bagi Penggal Pertama 2022. Mulai 1 Mac 2022, Caj Notis E sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas akaun pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Diharapkan pembayar cukai yang masih belum menjelaskan cukai taksiran supaya membuat bayaran dengan kadar **SEGERA**. Adalah digalakkan supaya pemilik premis membuat pembayaran melalui kiosk, agensi kutipan yang dilantik atau saluran secara dalam talian (online) yang telah disediakan oleh MBSP.

Pembayaran juga boleh dibuat di semua kaunter bayaran MBSP di Menara Bandaraya Bandar Perda, Kaunter Cawangan Kampung Jawa, Butterworth dan Kaunter Cawangan Jawi.

3. PROGRAM MESRA PELANGGAN

Dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan menganjurkan Program Mesra Pelanggan Siri 1/2022 pada 26 Februari 2022 (Sabtu) bermula jam 10.00 pagi sehingga 3.00 petang di Dewan Komuniti, Taman Perda Indah Kubang Menerong Seberang Perai Utara.

Program ini mensasarkan permohonan melibatkan pindaan dan tambahan kepada rumah kediaman di taman perumahan (Buku Panduan) dengan kelulusan serta merta diberikan semasa program ini berlangsung. Pelanggan juga boleh membuat bayaran cukai taksiran MBSP pada program tersebut.

Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat sila layari laman web <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi talian 04-5497737 atau email di onlinebgn.gov.my

4. PERMOHONAN UNTUK LESEN PENGANJUR PASAR RAMADHAN

Dimaklumkan bahawa, Permohonan untuk **Lesen Penganjur Pasar Ramadhan** akan mula dibuka mulai **14 Februari 2022** dan tarikh tutup permohonan adalah pada **11 Mac 2022**.

Borang-borang untuk penganjur Pasar Ramadhan boleh diperolehi mulai **14 Februari 2022** di ;

- i. Kaunter Berpusat, Menara Bandaraya MBSP Bandar Perda;
- ii. Kaunter MBSP Cawangan Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan;
- iii. Kaunter MBSP Cawangan Butterworth, Kompleks Makanan Kg. Jawa, Seberang Perai Utara; dan
- iv. Laman sesawang Majlis di www.mbsp.gov.my/pelesenan/borang

Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon pada 21 Mac 2022. Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan Jabatan Pelesenan, MBSP ditalian no. 04-5497685 / 04-5497679.

5. SENTIASA MEMATUHI PROSEDUR OPERASI STANDARD (STANDARD OPERATING PROCEDURE) DEMI MEMERANGI COVID-19

Diingatkan seluruh kakitangan MBSP dan seluruh penduduk Seberang Perai sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia(KKM) dan amalkan norma baharu setiap masa bagi

membendung penularan Covid-19. Jangan alpa dan lalai dengan kelonggaran dan kebebasan yang diberikan sekarang. Saya menyeru sekali lagi, penduduk Seberang Perai mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan supaya kita kekal sihat.

SEKIAN, TERIMA KASIH.